

malah tidak mencapai separuh.” (Riwayat Muslim)

7. **Menjauhi serta meninggalkan perkara yang diada-adakan dalam agama – Bid’ah.** Sabda Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- yang bermaksud, “Barangsiapa yang mengada-adakan di dalam urusan kami (iaitu di dalam perkara berkaitan agama) apa-apa yang tidak ada padanya, maka tertolaklah ia.” (Riwayat Bukhari)

## Syafaat Rasulullah -صلى الله عليه وسلم-

Syafaat menurut istilah sepertimana yang ditakrifkan Syeikh Salih al-Utsaimin -رحمه الله- bermaksud: “Berperantara kepada orang lain untuk memperoleh manfaat atau menolak mudharat.”

Antara rahmat yang Allah -سبحانه وتعالى- kurniakan ketika hari Kiamat kelak adalah Syafaat Agung baginda -صلى الله عليه وسلم- untuk membebaskan manusia daripada kegelisahan di mahsyar (Riwayat Bukhari), syafaat dibukakan pintu syurga buat penghuninya (R. Muslim), syafaat diringankan azab bagi yang berhak (R. Bukhari dan Muslim), syafaat diangkat darjat beberapa ahli syurga (R. Muslim), syafaat masuk syurga tanpa hisab (R. Bukhari dan Muslim) dan syafaat untuk pelaku dosa besar di kalangan orang beriman (R. Bukhari dan Muslim).



### Antara kaedah-kaedah meraih syafaat ialah:

1. Mentauhidkan Allah dan ikhlas beribadah kepadaNya (Riwayat Bukhari)
2. Membaca Al Qur'an Al Karim (R. Muslim dan al-Hakim)
3. Puasa (R. Ahmad dan al-Hakim)
4. Mengamalkan doa yang diajar baginda -صلى الله عليه وسلم- selepas azan (R. Bukhari)
5. Menetap di Madinah dan sabar di atas berbagai kesulitannya dan meninggal di dalamnya (R. Muslim dan Tirmizi)
6. Berselawat ke atas Nabi Muhammad -صلى الله عليه وسلم- (R. Ibn Abi 'Asim)
7. Solat jamaah kaum muslimin terhadap jenazah muslim (R. Muslim)
8. Memperbanyakkan sujud (R. Ahmad)

### UNTUK MAKLUMAN

Yayasan Ta'lim kini bertaraf organisasi yang dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

# Risalah



# Ta'lim

YAYASAN TA'LIM TTDI, NO 42A & 44A LORONG RAHIM KAJAI 14,  
TAMAN TUN DR ISMAIL, 60000 K.L.  
TEL: 03-77282393 / 03-77275067 FAX: 03-77288067  
E-MAIL: islamiclearningcentre@yahoo.com  
www.islamiclearningcentre.com

Terbitan Yayasan Ta'lim, TTDI. Bil (3) 1 Rabi' al-Awwal 1431 / 15 Februari 2010

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ  
ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Katakanlah: “Jika kamu [benar-benar] mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu.” Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Aali-'Imran: 31)

## Erti Cinta Kepada Rasulullah -صلى الله عليه وسلم-

Imam Ibn Kathir -رحمه الله- ketika menafsirkan ayat di atas menyatakan: “Ayat ini merupakan ukuran kepada sesiapa yang mendakwa mencintai Allah -سبحانه وتعالى- tetapi tidak berada di atas jalan Muhammad, bahawa sesungguhnya dia berdusta dalam dakwaannya, sehinggalah dia mengikuti syariat Muhammad dalam keseluruhan percakapan dan amalannya.”

Para sahabat baginda -صلى الله عليه وسلم- merupakan generasi manusia terbaik yang paling mencintai Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- sebagaimana banyak ayat Al Qur'an dan hadis yang menceritakan keutamaan para sahabat -رضي الله عنهم- di sisi Allah -سبحانه وتعالى- dan RasulNya. Sewajarnya umat Islam mencintai Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- sebagaimana para sahabat -سبحانه وتعالى- Firman Allah -صلى الله عليه وسلم- mencintai baginda -رضي الله عنهم-

فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ  
أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maka orang-orang yang beriman kepadanya (Nabi), memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepadanya [Al Qur'an], mereka itulah orang-orang yang beruntung. (Al-A'raaf: 157)

Jelas menerusi dua ayat terdahulu, cinta kepada Allah -سبحانه وتعالى- menuntut hamba-hambanya yang beriman agar menuruti RasulNya, memuliakannya, menolongnya dan mengikut ajaran Al Qur'an yang disampaikan oleh baginda -صلى الله عليه وسلم-



## Adab Mencintai Rasulullah -صلى الله عليه وسلم-

Bulan Rabi' al-Awwal akan sentiasa dikenang dan tercatat dalam sejarah sebagai bulan lahirnya rahmat kepada seluruh alam, penutup segala Nabi dan Rasul. Lahirnya baginda -صلى الله عليه وسلم- adalah pada hari Isnin, 9 Rabi' al-Awwal menurut pendapat yang sahih daripada ahli hadis dan sejarah (al-Rahiq al-Makhtum, ms 61).

Pada bulan ini juga ramai umat Islam menzahirkan rasa kasih mereka akan peristiwa kelahiran Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- dengan pelbagai cara. Garis panduan asas dalam mencintai dan mengagungkan Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- adalah sepertimana yang terkandung dalam peringatan baginda -صلى الله عليه وسلم- yang bermaksud: “Jangan kamu memujiku berlebihan sebagaimana orang-orang Nasrani memuji Isa, anak Maryam berlebihan; karena sesungguhnya aku hanyalah seorang hamba-Nya, maka katakan (bahwa aku ini adalah) hamba Allah dan Rasul-Nya” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

## Ciri-ciri seorang pencinta Rasulullah -صلى الله عليه وسلم-

1. **Menyeru kepada Tauhid dan menentang kesyirikan.** Ini bertepatan dengan matlamat agung baginda -صلى الله عليه وسلم- diutuskan. Hanya kepada Allah -سبحانه وتعالى- kita beribadah, berdoa dan memohon perlindungan, serta menjauhi kesyirikan seperti perdukunan, tangkal, tilik nasib, menyembah kubur dan lain-lain. Firman Allah -سبحانه وتعالى- yang bermaksud: “Dan Kami tidak mengutus sebelummu (Muhammad) seorang Rasul melainkan Kami wahyukan kepadanya, Bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Aku. Oleh itu, beribadahlah kamu (hanya) kepadaKu.” (al-Anbiya’: 25)

2. **Mempelajari Sunnah Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- melalui hadis-hadis baginda -صلى الله عليه وسلم-, mengamalkannya dengan berterusan dan menyebarkannya.** Dari Abu Hurairah -رضي الله عنه- bahawa Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- bersabda: “Semua ummatku itu dapat memasuki syurga, melainkan orang yang enggan. Baginda ditanya: Siapakah orang yang enggan itu, ya Rasulullah? Baginda menjawab: Barangsiapa yang taat kepadaku, maka dia dapat memasuki syurga dan barangsiapa yang bermaksiat kepadaku -menyalahi ajaranku, maka dialah orang yang benar-benar enggan.” (Riwayat Bukhari)

3. **Mengenali keperibadian Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- dan menghayati sejarah hidupnya melalui buku-buku yang berpandukan hadis-hadis dan riwayat-riwayat yang sahih.** Ia boleh didapati dari kitab-kitab hadis yang masyhur seperti Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Syamil Muhammadiyah, dan juga kitab-kitab Sirah seperti Zad al-Ma’ad, Sahih Sirah Nabawiyah dan al-Rahiq al-Makhtum (Kesemuanya telah diterjemah - Alhamdulillah).

4. **Sentiasa mengingati Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- dengan memujinya dan memperbanyakkan selawat ke atasnya.** Firman Allah -سبحانه وتعالى- bermaksud: “Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi. (Oleh itu) wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu ke atasnya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penuh penghormatan.” (al-Ahzab: 56)

Contoh selawat yang sahih dari tunjuk ajar Nabi -صلى الله عليه وسلم-:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ

Maksudnya: “Ya Allah, Selawat ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah berselawat kepada Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia. Ya Allah, Berkatilah Muhammad dan keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim dan keluarga Ibrahim sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia.” (Riwayat Bukhari)

5. **Mempertahankan Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- dan ajaran Islam daripada serangan musuh-musuh Islam.** Sabda Nabi -صلى الله عليه وسلم- yang bermaksud: “Sesiapa yang membela kami dari gangguan orang-orang musyrik dia akan mendapat balasan syurga atau menjadi temanku di syurga.” (Riwayat Muslim)

6. **Mencintai apa-apa yang dicintai Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- dan membenci apa-apa yang dibenci Rasulullah -صلى الله عليه وسلم-.** Sabda Rasulullah -صلى الله عليه وسلم- yang bermaksud, “Janganlah kamu semua mencaci salah seorang sahabatku. Ini kerana, sekiranya salah seorang di kalangan kamu menafkahkan emas sebesar gunung Uhud, semua itu tidak mampu menyamai satu mud (yang diinfakkan) salah seorang antara mereka

